

PELITA



BRUNEI

Tahun 2, No. 23

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

15 January, 1958

BRITISH RESIDENT BRUNFI
YANG BERHONORAT TUNJONG O. GILBERT C.M.G.

TITAH SULTAN DI-TEMBURONG DAN
DI-TUTONG

Sabagaimana yang telah kita siarkan pada keluaran Pelita Brunei yang lalu, kita akan menyiarkan titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan waktu Baginda telah melangsungkan lawatan resmi Baginda di-Temburong dan di-Tutong pada keluaran kali ini.

"Assalamu 'alaikum Warahmatullah Wabarakatoh", demikian Baginda memulakan titah.

"Tuan2 dan para hadirin,

"Terlebeh dahulu saya ucapkan berbanyak2 terima kasih atas kemurahan hati tuan2 sekalian mempersilakan saya berangkat datang ka-mari dan bertambah2 lagi sukachita saya dapat peluang bertemu dan beramah tamah dengan tuan2. Demikian jua saya ucapkan banyak terima kasih atas ucapan dari wakil daerah ini yang mana saya sangat perhargakan akan ingat sentiasa.

"Dalam perjumpaan ini suka-lah saya mengambil peluang akan berucap serta memberi nasehat sedikit kepada tuan2 dan ra'ayat saya dalam daerah ini.

"Saya perchaya ada-lah sabilangan kecil daripada kumpulan ini telah hadir dalam jamuan minum Tea di-Istana Darul-Hana, Brunei, pada 23 hbl. November ya ng lalu dalamana tuan2 itu ada mendengar akan

butir2 ucapan saya di-waktu itu. Jangka-nya ucapan dan nasehat saya ya ng terma'lum itu telah di-sampai atau di-hebahkan oleh Penghulu2 dan Ketua2 kepada anak2 kampung masing2, oleh itu tidak-lah payah saya ulangi lagi dengan sapenoh-nya akan ucapan saya itu di-sini.

"Hanyasa-nya saya suka memberi ingat lagi kepada tuan2 dan ra'ayat saya yang di-kasehi bahuwa Negeri kita Brunei Darul-Salam ini ada-lah sentiasa sudah zaman bersaman dalam ke'amanan dan sentosa, dan ini-lah saya minta serta tarohkan kepercayaan saya kepada tuan2 dan ra'ayat dan penduduk negeri kita ini suatu kewajipan bagi mereka menahankan dan mempeleharakan keamanan Brunei yang baik dan harmoni itu dengan aman sentosa mudah2an salama2-nya.

"Pada zaman sekarang ini sabagaimana tuan2 telah baca dan dengar dari surat2 khabar dan cherita orang2, boleh-lah di-katakan dalam mana2 negeri dalam dunia ini, terkechuali ada sedikit, ada saja berlaku kekacauan haru hara dan sabagai-nya. Dan ada pula ra'ayat tidak puas hati di-atas perjalanan, pentadbiran dan dasar2 Kerajaan dan sagulongan daripada itu pula ra'ayat mahu itu dan mahu ini, sahingga kan negeri kita Brunei yang aman dan damai ini tidak ketinggalan daripada bahaya samacham itu.

"Yang mendukakan benar kepada saya ia-lah mendengarkan teriak

KHAS UNTUK BORNEO UTARA

LANTEKAN2 BAHARU

Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei telah menerima beberapa puchok surat dari penduduk2 di-Borneo Utara kerana memohonkan hendak membeli peti radio yang sedang di-kelokakan oleh Jabatan tersebut, memberi bantuan kepada orang ramai dengan jalan bayaran beransor.

Kapada penduduk tersebut di-ma'lumkan bahawa peluang itu hanya di-buka untuk penduduk2 di-Brunei yang tidak mampu membeli peti radio ber-sendirian.

Sekian untuk pengetahuan penduduk2 di-Borneo Utara.

--oo000--

watan2 kuasa untuk tahun 1958:-

Tuan J. Duclos telah di-lantek menjadi Ketua Radio Brunei mulai dari 1 hbl. January, 1958.

Mr Patrick G. McAfee telah di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Daerah, Seria mulai dari 5 hbl. December, 1957.

Tuan G.C.G. Prindable telah di-lantek menjadi State Supplies Officer dan Controller of Government Stores, Brunei.

---ooooo0000ooooo---

AHLI2 JAWATAN KUASA UNTUK 1958

Dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah dengan sukachita Baginda melantek orang2 yang tersebut di-bawah menjadi ahli2 ja-

+ 1.7

I. Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam:

1. Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri (Pengurus)
2. State Treasurer
3. Yang Berhormat Pengeran Ali bin Pg. Haji Mohd. Daud
4. Yang Berhormat Pengeran Mohd. Yusuf bin Pg. Haji Abdul Rahim
5. Yang Berhormat Che'gu Marsal bin Maun
6. Yang Berhormat Mr. George Newn Ah Foott.

II. Jawatan Kuasa Tanah:

1. Yang Berhormat British Resident (Pengurus)
2. Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri
3. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar
4. Yang Berhormat Che'gu Marsal bin Maun
5. Yang Berhormat Pg. Haji Abu Bakar bin Pengeran Pemancha Mohammad Salleh
6. Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji Mohd. Noor.

III. Jawatan Kuasa Kewangan:

1. State Treasurer (Pengurus) ahli resmi
2. Yang Teramat Mulia Duli Pengeran Pemancha
3. Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri
4. Yang Berhormat Pengeran Mohd. Yusuf bin Pengeran Haji Abdul Rahim
5. Yang Berhormat Pengeran Ali bin Pengeran Haji Mohd. Daud
6. Yang Berhormat Che'gu Marsal bin Maun.

--ooo0ooo--

"RANCHANGAN SO'ALAN DI-UDARA"

Ranchangan Baharu Radio Brunei

Radio Brunei akan mempersembahkan satu ranchangan-nya yang baharu, "Ranchangan So'alan Di-Udara". Ranchangan ini akan diadakan pada tiap2 minggu, dan tujuan yang sebenar berada-nya ranchangan ini menjadi salah satu ranchangan Radio Brunei maka dapat-lah para pendengar sambil merebut kemenangan meluaskan pengetahuan dalam dunia seni.

Para pendengar mesti-lah bersedia dengan sa-keping kertas dan sa-batang qalam untuk menulis jawab2-nya. Tiap2 satu so'alan akan di-teriakkan dua kali. Jawapan yang betul semua yang mula2 di-buka akan mendapat hadiah sugu hati \$10/-. Utus mengutus berkena'an dengan jawapan ranchangan ini tidak di-layani. Masa membuka jawapan2 itu akan di-adakan selepas sa-minggu ranchangan "So'alan Di-Udara" di-adakan.

Jawapan2 hendak-lah di-kirim melalui pos dan mempunyai nama dan 'alamat yang penoh dan terang. Di-luar sarong surat mesti-lah di-tulis "So'alan Di-Udara" di-sabelah kiri atas dan di-'alamatkan kepada Tuan

Pengelola, Radio Brunei.

Ranchangan ini akan dapat di-ikuti mulai pada 14 hbl. January, 1958, malam Thalatha pada pkul 8.15.

--ooOoo--

X BALEK KERANA BERCHUTI

Awangku Sharifuddin bin Pengeran Metali, bekas penuntut di-SOAS College, Brunei yang pada masa ini sedang berada di-Brunei kerana berchuti telah telah tiba dari Kuching, Sarawak dengan kapal terbang baharu2 ini.

Beliau, ada-lah sedang dalam perlatehan-nya sabagai Pegawai Sekolah Gambar, di-Kuching dan di-jangka akan balek ka-Kuching awal bulan February akan datang ini.

SULTAN BRUNEI DI-TUTONG



Gambar di-atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sedang bertitah dalam satu Jamuan Makan Tengah Hari yang telah di-adakan tatkala Baginda melawat ka-Tutong baharu2 ini. Di-sabelah kiri sekali ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara dan yang di-kanan sekali ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Pemancha.

--ooOoo--



Gambar sabelah ia-lah Pengeran Shahbuddin bin Pengeran Kamaluddin, sa-orang Wireman dalam Jabatan Marine Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Singapura pada awal bulan ini kerana mempelajari kursus berkenaan dengan hal ehwal jaga'an rumah api di-Sungai Brunei.

Beliau di-jangka akan balek ka-Brunei kira2 dalam pertengahan bulan ini.

--ooOoo--

LAGU KEBANGSA'AN BRUNEI

Pejabat Penerangan Negeri Brunei telah merakamkan Lagu Kebangsaan Brunei (Brunei National Anthem) yang mengandungi lagu itu sendiri dan piring2 yang menunjukkan chara2 belayar lagu tersebut dalam 6 bahagian.

Piring2 yang mengandungi chara2 mengajar lagu kebangsaan itu telah di-rakamkan di Radio Malaya di-bawah pimpinan Che' Dol Ramli dengan penyanyi2 yang terdiri dari Che' Abu Bakar Ashari di-bantu oleh Alphonso Soliano. Musik dari Malaya Orchestra yang di-pimpin oleh Mr Dick Abell. Musik Lagu Kebangsaan Brunei ini telah di-buat dari Pasokan Pencharagam Police Persekutuan Tanah Melayu yang di-ketuai oleh Pengerang Musik, Mr A.W. Crofts.

Piring2 kerana mengajar Lagu Kebangsaan itu akan di-beri kepada tiap2 sekolah dalam Negeri Brunei melalui Pejabat Pelajaran Negeri Brunei, supaya dapat-lah nanti di-gunakan oleh guru2 sekolah masing2 bagi mengajar lagu tersebut. Bagi Penduduk2 di-Bandar Brunei lagu ini akan dapat di-pelajari dan di-dengar melalui Radio Brunei yang akan di-mulai dari 19 hbl. January tahun ini pada sakali seminggu mulai jam 7.32 malam.

Lagu Kebangsaan Brunei ini telah di-chapin oleh Awang Besar bin Sagap ia-itu sa-orang anak Melayu Brunei yang masa ini berkhidmat di-Pejabat Kerja Raya di-Bandar Brunei, dan telah di-halusi oleh Mr A.D. Bisset, bekas Pemimpin Pencharagam Police, Sarawak. Seni kata lgu ini telah di-gubah oleh Pengerang Mohd. Yusuf, sa-orang anak Melayu Brunei juga yang berasal dari satu family yang miskin. Beliau ada-lah bekas ketua BARIP, Brunei.

kapada Tuan Yang Berhormat British Resident, J.O. Gilbert kerana pengurnia'an tertinggi dari Baginda Queen kapada beliau.

Beliau, dalam senari kehormatan tahun baharu 1958 telah dianugerahkan bintang kehormatan C.M.G. (Companion of the Most Distinguished Order of St Michael and St George). Beliau telah menjadi British Resident Brunei sejak bulan June, 1953.

KEDAI2 MESTI BERCHAT PUTEH

Tauki2 kedai2 makan, kedai kopi, kedai roti, kedai2 tukang gunting, restaurant2 dan segala lodging house ada-lah di-kehendaki menyapu dengan chat puteh di-dalam dan di-luar kedai2 masing2 tidak lewat dari 15 hbl. January, 1958.

Lisen2 mesti-lah di-baharui

Lisen2 penjaja arak dan lisen2 kereta lereng hendak-lah di-baharui mulai dari sekarang hingga dan tidak lewat dari 20 hbl. January, 1958.

Di-fahamkan dari satu kenyataan resmi dari Pemangku Setia Usaha Jabatan Bandaran, Brunei bahawa jika di-dapati siapa2 yang melanggar siaran2 yang di-buat ini akan bersalah. Mereka itu akan di-sifatkan tidak berlesen atau tidak mendapat kebenaran dari pihak yang berkuasa, maka dengan itu penda'wa'an akan di-jalankan mengikut Peratoran Bandaran, Brunei.

TAHNIAH KAPADA B.R.

Ra'ayat Brunei seluruh-nya menguchapkan satinggi2 tahniah

- sambongan dari muka 2 -

dan sungut sabilangan kechil daripada ra'ayat dalam negeri ini, menuntut kemerdekaan, mahu memerintah sendiri, mahu itu dan ini, serta mereka konon-nya tidak suka, tidak bersetuju, tidak puas hati di-atas perbuatan dan langkah2 yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan saya. Mereka itu mahu merdeka dan perentah sendiri dan khabar-nya kalau mereka itu berjaya di-atas tuntutan mereka itu dan mereka itu berkuasa menjalankan pemerintahan negeri ini, maka neschaya-lah sakelian ra'ayat dan penduduk dalam negeri ini akan beroleh lebeh2 lagi kesenangan dan kekayaan dan tidak payah lagi bersusah payah membenting tulang dengan tidak peloh dan negeri ini akan bertambah2 lagi kekayaan dan kema'moran-nya daripada yang ada pada masa ini.

"Saya pun kurang faham apa-kah maksud atau tujuan mereka itu yang sabenar-nya. Bukan-kah Negeri Brunei ini hak tulin ra'ayat Brunei dan ada raja-nya sendiri dengan segala wazir2, menteri2, Pegawai2 dan kaki tangan Kerajaan, Penghilu2, dan ketua2, yang sentiasa berusaha dan berkhidmat bagi fa'edah dan kebaikan ra'ayat dan negeri? Peratoran, pentadbiran dan dasar2 apa yang di-kehendaki dan yang tidak di-puaskan hati oleh sagulongan penduduk negeri ini?

"Pada fahaman dan pendapat saya, dan saya perchaya tuan2 sakelian pun akan mempersetujui-nya, bahawa apa2 juga yang telah di-perbuat, atau yang akan di-perbuat nanti, oleh Kerajaan saya dalam satu2 perkara atau pekerja'an, ia-lah sa mata2 tujuan-nya untuk fa'edah dan kebaikan ra'ayat dan penduduk Brunei.

"Tuan2 sakelian boleh saksikan sendiri bahawa dalam 3 - 4 tahun ini berjuta2 ringgit hasil negeri telah di-tumpahkan untuk perkembangan dalam negeri ini. Ini semua-nya untuk fa'edah dan kebajikan ra'ayat dan penduduk dalam negeri. Mithal-nya: berpuluh2 buah sekolah Melayu yang baru, telah di-bena, berpuluh2 guru-nya telah di-tambah bahkan berganda2 sudah. Murid2 pun telah bertambah2 bilangan-nya dapat memasoki sekolah2 itu. Beberapa buah sekolah Inggeris telah di-dirikan dan di-bangunkan demikian juga guru2-nya telah di-tambah dari satu masa ka -satu masa. Begitu juga berpuluh2 guru Ugama Islam dari Malaya telah di-jemput menjadi guru untuk mengajar anak2 di-negeri ini. Jalan2 raya telah di-perbuat dan ada yang di-perbaiki, jalan2 kechil ka-kampong yang jauh banyak sudah di-buka atau di-baiki; banyak kampong2 telah di-pasangkan paip ayer, rumah2 sakit dan Pegawai2 dan kaki tangan dalam Pejabat Ubat dan kesehatan telah di-besar dan di-tambahkan, penuntut2 daripada anak2 negeri bertambah2 bilangannya dari sa-tahun ka-sa-tahun di-hantar ka-luar negeri menuntut

- bersambung di-muka 9 -

PEMOHON2 TANAH DI-KUALA BELAIT
DI-BERI TAHUKAN -

Pemohon2 yang terchatat di-bawah ini ada-lah di-kehendaki berhubung dengan Pejabat Tanah atau dengan Penolong Pegawai Sukat di-Kuala Belait:-

1. Koo Fon	L/A No. 123/50	land at	Badas
2. M.A. Kunju	78/54	" "	Kg. Lumut
3. Tan Ngit Ngo	751/54	" "	Kg. Anduki
4. Hong Hing Kee	676/54	" "	Anduki
5. Kahar bin Mail	527/54	" "	Sg. Tali
6. Nawawi Haji Mahari	729/54	" "	Kg. Sg. Tali
7. Dayang Sa'wah Dt. Ismail	574/54	" "	Sg. Tali
8. Zaini bin Salim	722/54	" "	Sg. Tali
9. Ibrahim bin Mohamad	769/54	" "	Sg. Bakong
10. Daim bin Duraman	934/54	" "	Sg. Bakong (Tunggulian)
11. Rafiah bt. Abd. Wahab	498/54	" "	Kg. Lumut
12. Alias bin Metali	517/54	" "	Kg. Taring
13. A. Besar bin Zainal	214/54	" "	Sg. Taring (Lumut)
14. Mohd. Noor bin Ahmad	248/54	" "	Kg. Lumut
15. Kamis bin Seling	516/54	" "	Sg. Taring
16. Nicholas Las Tac Tie	765/54	" "	Lumut Hill

Pemohon2 di-atas di-Kehendaki datang berjumpa tidak lewat dari 6 hbl. February, 1958 atau permohonan2 mereka di-atas tidak akan di-beri layanan.

Pemohon2 di-bawah ini di-kehendaki datang berjumpa di-Pejabat Tanah atau dengan Penolong Pegawai Sukat di-Kuala Belait tidak lewat dari tarikh 14 hbl. February, 1958:-

1. Lim Teck Ing	L/A No. 389/53	land at	Sg. Liang
2. Kamariah bt. A.W. Mun	361/54	" "	Kg. Liang
3. Dayangku Masni	272/54	" "	Sg. Liang
4. Uning bt. Mohd. Yusuf	648/54	" "	Sg. Liang
5. Norati bt. Badaruddin	273/54	" "	Sg. Liang
6. Bong Kui Lan	363/54	" "	Sg. Liang
7. Bong Kui Yin	364/54	" "	Sg. Liang
8. Chong Kia Chew	290/54	" "	Liang. Gana
9. Ng. Chen	730/54	" "	Kg. Liang
10. Wong Foh	85/53	" "	Sg. Liang
11. Whelomena Bong	274/54	" "	K. Belait
12. Dg. Taimun bt. Tundak	579/54	" "	Kg. Tunggu- lian
13. Yacob dan Lily	275/54	" "	Kg. Pandan
14. Bibah bt. Durahman	348/54	" "	Liang Kechi
15. Moi Nyet Min	37/55	" "	Seria
16. Malik bin Gador	702/54	" "	Kg. Liang
17. Halimah bt. Hussain	587/54	" "	Kg. Liang
18. Dg. Sapiah bt. Abd. Wahid	271/54	" "	Kg. Malayu

- - -oo000oo- - -

PETI RADIO DI-JUAL DI-PEJABAT PENERANGAN

Lebih 250 pemohon2 telah di-terima oleh Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei dari saganap penduduk sa-Negeri Brunei kerana membeli Radio yang murah dengan bayaran beransor2. Permohonan mereka ada-lah telah di-timbangkan dengan teliti dan di-dapati memuaskan hati dan semua pemohon2 kerana membeli radio itu telah

- sambongan dari muka 7 -

pelajaran dan 'ilmu pengetahuan yang lebih tinggi; Pension ya'-ni sara'an hidup untuk orang2 tua dan dza'ib, buta dan saumpamanya telah di-bayar. Perkara berchuchok tanam dan memindah orang2 Kampong Ayer ka-Tanah kering ada-lah mendapat pertolongan dan bantuan dari Kerajaan, peratoran bagi pertolongan itu akan di-baiki lagi.

"Satakat ini saja dahulu saya mithalkan apa yang telah diperbuat dan di-selenggarakan oleh Kerajaan saya. Tidak-kah ini semua-nya untuk fa'edah dan kesenangan ra'ayat dan penduduk dalam negeri?

"Oleh yang demikian ini-lah saya suka nasehatkan kepada tuan2 dan ra'ayat saya di-kasehi ia-itu:

1. Hendak-lah ta'at dan memberi bantuan dengan segala tenaga kepada dan berkerja sama dengan Kerajaan;

2. Pegawai2 dan kaki tangan Kerajaan sentiasa sedia berkhidmat untuk fa'edah dan kebaikan ra'ayat dan penduduk negeri;

3. Penghulu2 dan Ketua2 hendak-lah sentiasa memberi nasehat yang baik dan menafa'at kepada anak2 buah-nya mithal-nya berkerja dengan rajin dan bersungguh2 supaya menambahkan mata pencaharian mereka. Jauhkan mana2 yang di-tegah atau yang menyalahi pada peratoran atau undang2 Kerajaan dan ta'at memperbuat apa2 yang di-suruh yang mendatangkan fa'edah dan kebajikan;

4. Pelebara ke'amanan dalam kampong masing2;

5. Penghulu2, Ketua2 dan guru2 hendak-lah mendidik anak2 dan murid2 dengan baik dan tartib, kerana dari chara dan gaya didekan itu-lah yang boleh menerbitkan sesuatu yang baik atau jahat kepada anak2 dan murid2 itu nanti. Pemuda2 yang ada sekarang ini mereka itu-lah akan jadi bakal dan pengharapan negeri di-masa yang akan datang. Oleh itu kita mesti juga dan beri didekan yang chukup baik dan sempurna.

6. Ja ngan-lah tuan2 dan ra'ayat lekas memperchaya'i apabila mendengar sesuatu asutan atau pujokan atau janji yang melambong2 daripada sebarang orang, tambahan pula jika ada daripada orang2 yang tidak ada bertanggung jawab hendak-lah terlebih dahulu di-siasat dengan seberapa chormat dan halus serta minta nasehat daripada orang2 yang ada lebih pengetahuan pengalaman dan yang ada bertanggung jawab supaya kita tidak dapat dan tidak mudah keda pedaya. Pada bila2 masa pun jika tuan2 dan ra'ayat berkehendakkan atau bermaksud pada sesuatu yang berfa'edah dan kebajikan ataupun ada sesuatu kemuskilan dan rayuan jangan-lah lengah menyampai atau mengadakan perkara itu kepada Kerajaan

- sambongan dari muka 9 -

melalui ketua atau pegawai yang bertanggung jawab dalam perkara yang bersangkutan itu.

"Ada lagi satu perkara yang ngan negeri2 yang sudah berta-saya dengar2 konon-nya anak2 madun atau negeri2 yang telah negeri ada selalu bertanya maju."

apa-kah sebab-nya Perlambaga-an Negeri Brunei yang bertulis Demikian Baginda menyudahi itu belum lagi di-lulus dan titah. di-jalankan kuatkuasa-nya.

Perkara Perlambaga'an itu Salanjut-nya kita ma'lumkan ada-lah suatu perkara yang bahawa titah di-atas ada-lah , besar dan utama, buka boleh telah di-lafadzkan Baginda da-di-chuai atau di-gupoh2kan. lam kedua2 lawatan2 resmi, di-Daerah Temburong di-Bangar dan di-Daerah Tutong di-Pekan Tu-tong yang telah berlangsung pada bulan yang lalu.

--ooOoo--

- sambongan dari muka 8 -

di-benarkan oleh Pegawai Penera-ngan Negeri Brunei. Radio2 itu akan dapat di-terima oleh pemo-hon2-nya tidak berapa lama lagi, di-mana nanti pemohon2 itu boleh mengambil radio mereka melalui Pejabat Penerangan di-Brunei dan di-Belait atau di-Dewan Bacha'an Ramai di-Temburong dan di-Tutong. Orang ramai yang telah menghantar surat permohonan-nya dengan ini ada-lah di-nasehatkan bersa-bar tetapi bersedia kerana radio2 itu.

"Sekian-lah ucapan saya , pada hari ini. Sakali lagi sa-ya ucapkan berbanyak2 terima kaseh di-atas kesudian dan kemurahan hati tuan2 menjem-put saya ka-mari serta menga-dakan jamuan dan perjumpa'an ini. Saya berdo'a mudah2an kita ini ada-lah di-nasehatkan bersa-bar tetapi bersedia kerana radio2 itu.

Satu pemberitahu akan di-hantar ka-semua pemohon2 membeli radio.

Mereka2 yang belum memohon ada-lah peluang-nya masih terbu-ka hingga akhir February.